Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm. 73 - 88
e-ISSN: 2600-8726© Ezra Monica Juasely & Baszley Bee Basrah Bee
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

SEJARAH WATU TINURIDONG, TAMBUNAN

History of Watu Tinuridong, Tambunan

Ezra Monica Juasely[1] & Baszley Bee bin Basrah Bee*[2]

[1&2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: Baszley@ums.edu.my

Dihantar: 20 Jun 2026 / Penambahbaikan: 12 Ogos 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Kajian ini membincangkan sejarah Watu Tinuridong yang terletak di Kampung Sunsuron, Tambunan, Sabah. Kajian ini bertujuan meneliti latar belakang sejarah kewujudan Watu Tinuridong serta memahami mitos yang berkembang dalam masyarakat Dusun setempat. Selain itu, kajian ini memberikan penjelasan mengenai dokumentasi menhir Watu Tinuridong dari aspek fizikalnya. Tambahan lagi, kajian ini turut menyentuh isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan warisan Watu Tinuridong. Bagi menyempurnakan tugasan latihan ilmiah, pengkaji telah melakukan beberapa kaedah untuk mengumpul data iaitu kaedah temubual, kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan. Dalam kajian ini, turut disertakan gambaran jelas tentang menhir Watu Tinuridong itu sendiri. Justeru, diharapkan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji lain pada masa hadapan terutamanya kepada pengkaji yang bakal menjalankan kajian mengenai batu megalitik yang ada di Sabah.

Kata Kunci : Watu Tinuridong, Sunsuron, Dusun, Menhir

Abstract

This study discusses the history of Watu Tinuridong, which is located in Kampung Sunsuron, Tambunan, Sabah. The study aims to examine the historical background of existence of Watu Tinuridong and to understand the belief and myths that have developed among the local Dusun community. In addition, the provides a description of the

documentation of the Watu Tinuridong menhir, particularly its physical characteristics. Futhermore, the research also addresses the Watu Tinuridong heritage site. To complete this academics exercise, the researcher employed several methods of data collection, namely interviews, library research and fieldwork. The study also includes a detailed description of the Watu Tinuridong menhir itself. Therefore, it is hoped that this research will serve as valuable reference source for future researchers, especially those who intend to conduct studies on the megalithic stones found in Sabah.

Keywords ***:*** *Watu Tinuridong, Sunsuron, Dusun, Menhir*

Pengenalan

Kebudayaan megalitik merupakan warisan berharga masyarakat lampau yang telah menarik perhatian pengkaji sejak ratusan tahun dahulu. Istilah megalitik berasal daripada Bahasa Greek, iaitu *mega* yang bermaksud "besar" dan *lith* yang bermaksud "batu" (Jusoh, et. al, 2018: 4). Megalitik merujuk kepada penggunaan batu-batu besar yang dibentuk dan didirikan oleh manusia untuk pelbagai tujuan dalam kehidupan masyarakat terdahulu. Budaya ini berkembang secara meluas di Asia Tenggara, termasuk di Laos dan Indonesia sebelum tersebarnya sistem kepercayaan yang lebih tersusun.

Di Malaysia, budaya megalitik berkembang dari akhir Zaman Logam hingga abad ke-18 dan dapat ditemui di beberapa negeri seperti Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Di Sabah, batu megalitik jenis menhir terdapat di beberapa daerah termasuk Penampang, Keningau, Kota Belud, Tuaran, Papar, Tenom, Long Pasia dan Tambunan. Tambunan, yang terletak di kawasan pedalaman Sabah dan dikelilingi Banjaran Crocker serta Trusmadi, mempunyai 43 buah batu megalitik yang berfungsi sebagai penanda peristiwa penting dalam kehidupan masyarakat setempat (Eboy, et. al, 2019: 36). Keunikan batu-batu ini turut diperkaya dengan persekitaran semula jadi dan landskap sawah padi yang menjadi identity daerah tersebut.

Salah satu menhir yang terkenal di Tambunan ialah Watu Tinuridong yang terletak di Kampung Sunsuron, Mukim Sunsuron. Batu megalitik ini mempunyai kedudukan yang unik di tengah-tengah kampung dan sering dikaitkan dengan pelbagai legenda serta mitos dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Watu Tinuridong bukan

Sahaja dianggap sebagai simbol sejarah dan identiti komuniti setempat, malah turut mencerminkan warisan budaya yang diwarisi secara turun-temurun melalui tradisi lisan. Oleh itu, kajian mengenai Sejarah Watu Tinuridong, Tambunan bertujuan untuk meneliti nilai sejarah, mitos dan kepentingan pemuliharaan warisan megalitik ini agar terus terpelihara untuk generasi akan datang.

Sejarah Tambunan

Daerah Tambunan merupakan sebuah daerah yang terletak di antara Keningau dan Ranau. Daerah ini juga terletak di kawasan pedalaman Sabah iaitu kira-kira 80km dari Kota Kinabalu, 45km dari daerah Ranau sebelah utara dan 40km dari selatan iaitu daerah Keningau (Majalah Perayaan Pesta Kaamatan Negeri Sabah, 2011: 53). Mengikut banci perumahan dan penduduk Malaysia yang dilaksanakan pada tahun 2000, daerah ini mempunyai keluasan hamper 134,540 hektar iaitu bersamaan dengan 532 batu persegi dan mempunyai penduduk lebih kurang 24,279 orang. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam Laporan Anggaran Penduduk Semasa Sabah 2025, anggaran terkini penduduk Tambunan adalah sebanyak 32,700 orang yang mana menunjukkan peningkatan daripada bancian rasmi sebelum ini yang hanya menunjukkan angka seramai 31,573 orang pada Oktober 2024. Majoriti penduduk di daerah ini terdiri daripada suku kaum Kadazandusun.

Pada zaman lampau, daerah ini hanyalah dipenuhi dengan hutan yang didiami pelbagai jenis haiwan seperti kerbau liar kerana belum ada manusia yang menetap di kawasan ini. Namun begitu, kehadiran Gombunan dan pengikut-pengikutnya telah mengubah landskap kawasan ini daripada hutan rimba kepada sebuah kawasan yang dipenuhi dengan pelbagai jenis tanaman seperti padi huma, jagung, ubi kayu, labu dan keladi. Malah, mereka juga memburu binatang untuk mendapatkan sumber maknaan. Kerja bercucuk tanam dan kerja rumah dilakukan oleh kaum wanita. Buah-buahan hutan juga dipungut untuk dijadikan sebagai makanan tambahan bagi komuniti tersebut.

Pertambahan jumlah penduduk yang ketara di kawasan ini menyebabkan lebih banyak dan luas kawasan yang dibersihkan. Kehidupan Gombunan dan pengikut-pengikutnya yang aman-damai menyebabkan terdapat puak lain yang cemburu iaitu puak

Tonsundung yang merupakan kelompok masyarakat yang ganas, jahat, merompak serta membunuh puak lain demi kepentingan sendiri. Serangan pertama dari puak ini dilihat dengan adanya cubaan membunuh Gombunan tetapi tidak berjaya menyebabkan mereka tidak berpuas hati dengan kekalahan mereka dan berhasrat untuk melakukan serangan untuk kali kedua.

Dalam serangan kedua pula, Gombunan akhirnya berjaya dibunuh apabila beliau bersendirian di ladang. Puak Tonsundung telah memenggal kepalanya dan dipamerkan di perkampungan mereka. Namun begitu, terdapat satu puak lain iaitu Tamadun yang bermurah hati membantu puak Gombunan dalam memerangi puak Tonsundung yang jahat. Setelah pelbagai strategi yang telah dilaksanakan, kemenangan berpihak kepada gabungan puak Gombunan dan Tamadun yang menentang Tonsunsung. Kemenangan ini disambut dengan pesta besar-besaran yang diadakan dan mereka bersepakat untuk menamakan semula kawasan tersebut dengan menggabungkan nama kedua-dua puak setelah mendapat persetujuan daripada orang-orang tua. Perkataan *tam* diambil daripada puak Tamadun, manakala *bunan* dari puak Gombunan. Maka, wujudnya nama Tambunan yang kekal sehingga ke hari ini.

Foto 1: Tugu Peringatan Pahlawan Tamadun dan Gombunan



Sumber: Kerja Lapangan Penyelidik.


Gambar di atas merupakan tugu peringatan yang dibina bagi memperingati dan menghormati dua pahlawan yang menjadi pengasas kepada daerah Tambunan. Tugu peringatan ini terletak berhadapan dengan pasar daerah Tambunan yang menjadi daya tarikan orang luar mahupun rakyat Malaysia sendiri yang datang melancong ke daerah ini. Jasa kedua-dua pahlawan tersebut dalam menyatupadukan daerah ini kekal wujud sehingga hari ini.

Asal Usul Nama Kampung Sunsuron

Watu Tinuridong terletak di tengah-tengah kawasan Kampung Sunsuron. Jarak perjalanan dari pekan daerah Tambunan ke Kampung Sunsuron ialah 11.8km. Kampung ini terletak di kawasan lembah Tambunan yang terkenal dengan landskap semula jadi yang subur, dikelilingi oleh bukit-bukau dan kawasan pertanian. Kedudukan geografinya yang strategik di kawasan pedalaman menjadikan Kampung Sunsuron sebagai salah satu perkampungan penting dan terbesar di Tambunan yang menempatkan komuniti tempatan. Dianggarkan lebih 3,000 orang penduduk tinggal di kawasan tersebut dengan keluasan sekitar 72 hektar. Majoritinya terdiri daripada masyarakat Dusun khususnya sub-etnik Bundu Liwan, yang masih mengekalkan budaya dan cara hidup tradisional hingga hari ini.

Walaupun tarikh sebenar pembukaan kampung ini tidak direkodkan secara rasmi, cerita-cerita lisan menunjukkan bahawa ia telah wujud sejak zaman sebelum kedatangan British di Borneo Utara. Pada asalnya, Sunsuron hanyalah berkembang menjadi sebuah kampung yang meriah dengan ribuan penduduk. Nama "Sunsuron" sendiri berasal daripada perkataan *Sunsuyon* yang bemaksud jambatan buluh. Hal ini merujuk kepada cara atau medium penduduk terdahulu menyeberangi sungai sebelum adanya jambatan yang lebih moden. Namun, ada juga penduduk yang mengaitkannya dengan sifat sungai yang deras atau *bosuron,* yang sering melimpah ketika hujan lebat (Temu Bual, Albert Ten Tamit, 2026).

Foto 2: Kampung Sunsuron Sekitar 1900-an



Sumber: G.C. Woolley Collection (1900).

Asal Usul Watu Tinuridong

Kemunculan Watu Tinuridong bermula ketika Mat Salleh melarikan diri ke Tambunan dengan ditemani oleh pengikutnya yang berbangsa Dusun yang tahu selok belok jalan di kawasan pedalaman tersebut. Mereka melarikan diri ke kawasan Kirokot lalu menetap selama beberapa hari di tempat tersebut sebelum berpindah ke Tibabar. Setibanya di Tibabar, Mat Salleh dikatakan telah meminta izin kepada ketua kampung Tibabar untuk membuat kubu di Tibabar dan ketua kampung tersebut telah memberikan izin. Namun begitu, tindakan Mat Salleh bersekutu dengan kaum Dusun di Kituntul dan Tibabar, iaitu musuh kaum Dusun dari Sunsuron menyebabkan kaum Dusun di beberapa kampung yang diketuai oleh Kampung Sunsuron itu sendiri mula memusuhi dan menjauhi Mat Salleh (Basrah Bee, et. al, 2022:72). Hal ini membawa kepada perjanjian dimeterai di Kampung Pulutan, Ulu Manggatal pada 19 April 1898 diadakan yang mana perjanjian ini membolehkan Mat Salleh diberikan izin oleh pihak Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk tinggal di Tambunan.

Mat Salleh hanya memiliki 300 orang pengikut yang terdiri daripada kaum Bajau, Iranun dan Dusun. Setelah bersekutu dengan kaum Dusun Tagaas Tambunan, beliau mendapatkan sokongan seramai 1 000 orang pasukan Dusun Tambunan (Phelan Peter, 1997: 69). Oleh sebab itu, Mat Salleh mula menunjukkan belangnya. Buktinya, Mat Salleh pergi ke Kampung Sunsuron dan menuntut penduduk kampung tersebut untuk mematuhi peraturan yang telah dibuat oleh beliau sendiri. Malah, beliau mengugut mana-mana individu yang tidak mematuhi peraturan yang telah dibuat akan dikenakan denda dan hukuman. Kaum Dusun di Sunsuron menolak untuk tunduk dengan kehendak Mat Salleh dan sekutu-sekutunya, sebaliknya mereka mempersiapkan diri untuk berperang dengan mendirikan kubu di sekeliling kampung mereka. Sunsuron pada ketika itu memiliki sekutu daripada beberapa kampung, begitu juga di pihak Mat Salleh.

Penduduk Sunsuron bergotong royong mengorek parit untuk dijadikan kubu. Ketika mereka mengorek tanah, mereka menemukan sebuah batu besar, kemudian menegakkan batu tersebut. Tindakan menegakkan batu di dalam Bahasa Dusun Adalah *"monuridong"*, maka batu itu dinamakan *"Tinuridong"*, yang membawa maksud yang ditegakkan (Goukit, 2026). Batu itu menjadi salah satu kubu pertahanan, selain daripada kubu yang diperbuatkan kayu dan bambu. Kemudian, Bobolian menjalankan ritual *"popodsu"* dengan mengorbankan tujuh jenis binatang seperti babi dan menuangkan air suci ke seluruh batu. Tujuannya untuk meletakkan roh atau semangat ke dalam batu tersebut sebagai *"tingolig"* atau dalam Bahasa Melayu, pelindung bagi melindungi kampung tersebut daripada serangan musuh. Semangat di dalam batu tersebut juga menjadi "*tingolig"* daripada serangan wabak penyakit dan bencana alam.

Setelah kubu siap dibina dan batu tersebut didirikan, Mat Salleh datang semula ke Sunsuron dan menuntut supaya penduduk kampung Sunsuron menyerahkan tujuh ekor kerbau. Mat Salleh memaksa dua orang kaya Sunsuron, iaitu Gadog dan Simbayon supaya menyerahkan kerbau-kerbau yang diminta. Gadog, Simbayon dan penduduk kampung Sunsuron menolak mentah-mentah tuntutan yang diminta oleh Mat Salleh. Maka, Mat Salleh pun meninggalkan Sunsuron dengan perasaan marah dan tangan kosong serta merancang untuk menyerang perkampungan Sunsuron bersama para pengikutnya.

Penduduk Kampung Sunsuron yang menyedari rancangan serangan Mat Salleh telah menyusun strategi untuk memerangkap beliau dan pasukannya. Para pahlawan Sunsuron sengaja meninggalkan kubu tanpa pengawasan bagi menarik musuh masuk ke dalamnya. Apabila Mat Salleh dan pengikutnya memasuki kubu tersebut, pintu gerbang dikunci dari luar menyebabkan mereka terperangkap selama tiga hari tanpa bekalan makanan dan minuman. Pada malam ketiga, mereka berjaya melarikan diri dengan memanjat tembok kubu. Selepas itu, Mat Salleh kembali ke lembah Sunsuron dan mendirikan sebuah pos meriam di Bukit Kimatan untuk menyerang kubu penduduk Sunsuron.

Walau bagaimanapun, serangan tersebut tidak berjalan seperti yang dirancang apabila meriam yang digunakan meledak dan serpihannya jatuh di kawasan Goingki. Meskipun penduduk Sunsuron mendapat bantuan daripada beberapa kampung sekutu, mereka tetap berdepan kesukaran kerana kekurangan senjata moden berbanding pasukan Mat Salleh yang memiliki meriam dan senjata api. Keadaan ini mendorong penduduk Sunsuron meminta bantuan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) untuk mendirikan balai polis di Tambunan bagi melindungi penduduk daripada peperangan. Peristiwa ini menandakan permulaan penglibatan pihak British dalam konflik yang berlaku di Tambunan.

Persekitaran Fizikal Tapak Watu Tinuridong


Berdasarkan proses pengukuran semula yang dijalankan oleh pengkaji di tapak kajian, ukuran Watu Tinuridong adalah selaras dengan maklumat yang diperoleh daripada En. Emmanuel Goukit. Batu ini mempunyai ketinggian sekitar 2.13m, lebar 2.18m dan ketebalan 23cm (Temu Bual Emmanuel Goukit, 2026). Manakala, untuk ukuran panjang bagi Watu Tinuridong ini berukuran 2.13m bersamaan dengan 213cm dan 0.6m atau 60 cm adalah hasil ukuran 10 cm dari puncak batu. Ukuran tersebut menunjukkan bahawa Watu Tinuridong merupakan sebuah batu megalitik yang bersaiz besar dan menonjol berbanding persekitarannya.

Foto 3: Watu Tinuridong, Tambunan



Sumber: Phelan Peter, (1997).

Foto 4: lakaran Ukuran Watu Tinuridong



Sumber: Kerja Lapangan Penyelidik.

Dalam struktur fizikal Watu Tinuridong, wujud struktur fizikal tambahan iaitu dua batu dan beberapa batu yang lebih kecil lain disusun membentuk segi empat seolah-olah memagari sekeliling batu tersebut. Dua batu yang lebih besar itu berfungsi sebagai penahan kepada Watu Tinuridong. Manakala, batu-batu kecil di sekeliling batu tersebut pula hanya sebagai hiasan kepada Watu Tinuridong supaya pelancong lebih tertarik untuk melawat kawasan tersebut (Goukit, 2026). Namun begitu, ianya masih mengekalkan struktur utama Watu Tinuridong sebagai batuan tunggal di kawasan tersebut.

Foto 4: Batuan Kecil dari Pandangan Belakang.



Sumber: Kerja Lapangan Penyelidik.

Foto 5: Batuan Kecil dari Pandangan Sisi



Sumber: Kerja Lapangan Penyelidik.

Pentarikhan Watu Tinuridong

Pentarikhan adalah suatu kaedah bagi menentukan umur sesuatu bahan-bahan yang dipetik dari rekod arkeologi yang boleh dilakukan dengan mengkaji artifak itu secara langsung (Toby, 2001: 203). Dalam erti kata lain, pentarikhan bermaksud perihal yang mencatatkan tarikh bagi sesuatu peristiwa di dalam sesuatu bahan artifak yang ditemui. Dalam pada itu, Watu Tinuridong tidak dapat dikategorikan sebagai tapak prasejarah seperti tapak megalitik Zaman Neolitik, sebaliknya lebih terkait dengan sejarah pada penghujung abad ke-19. Berdasarkan cerita lisan daripada informan dan rekod sejarah tempatan, batu ini dikaitkan dengan peristiwa peperangan sub-etnik Dusun dan penentangan masyarakat Dusun terhadap Mat Salleh sekitar tahun 1898 sehingga 1900 (Takong, 2026). Walau bagaimanapun, Watu Tinuridong masih mempunyai nilai arkeologi dan warisan budaya kerana ia merupakan batu besar yang digunakan oleh masyarakat pada waktu tersebut sebagai benteng pertahanan. Dari aspek arkeologi budaya, tapak ini penting untuk memahami teknologi pertahanan tradisional serta hubungan antara unsur fizikal dan kepercayaan spiritual masyarakat itu.

Isu dan Cabaran

Dalam pengurusan sumber warisan, isu dan cabaran yang boleh menjejaskan kelestarian sesebuah tapak warisan merupakan suatu perkara yang lazim berlaku. Ini disebabkan oleh perkembangan ekonomi, politik dan fizikal. Demi mengejar pembangunan dan keuntungan ekonomi semata-mata, konsistensi terhadap usaha menjaga kepentingan warisan budaya khasnya batu megalitik sering kali terpaksa dikesampingkan (Baszley Bee, 2009: 57). Dalam konteks Watu Tinuridong, pelbagai isu dan cabaran boleh menjejaskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan megalitik ini sekiranya tidak ditangani secara bersepadu oleh semua pihak berkepentingan.

Salah satu isu dan cabaran utama dalam pengurusan Watu Tinuridong ialah kehilangan pengetahuan tradisional dan sejarah lisan yang menjadi sebahagian penting daripada warisan budaya masyarakat Dusun. Nilai Watu Tinuridong bukan sahaja terletak pada kewujudan fizikal batu tersebut, tetapi juga pada cerita rakyat, mitos, kepercayaan dan sejarah lisan yang menjelaskan asal usul serta kepentingannya kepada komuniti setempat. Namun, kebanyakan pengetahuan ini masih diwariskan secara lisan dan kurang didokumentasikan menyebabkan ia semakin terancam akibat proses modenisasi, perubahan gaya hidup dan kurangnya minat generasi muda terhadap tradisi tempatan. Dapatan kajian yang menunjukkan sebahagian besar penduduk Kampung Sunsuron kurang mengetahui asal usul Watu Tinuridong membuktikan keperluan mendesak untuk melaksanakan usaha pendokumentasian, rakaman dan pemindahan ilmu kepada generasi muda bagi memastikan warisan budaya yang berkaitan dengannya terus dipelihara dan diwariskan pada masa hadapan.

Sebagai monumen megalitik yang berusia lebih daripada 100 tahun, Watu Tinuridong sentiasa terdedah kepada proses luluhawa akibat hujan tropika, perubahan suhu, kelembapan dan cahaya matahari yang boleh menyebabkan kemerosotan fizikal batu. Pertumbuhan lumut, kulat, alga dan tumbuhan kecil pada permukaan batu turut menyumbang kepada perubahan tekstur, warna, hakisan serta retakan yang boleh menjejaskan kestabilan struktur dalam jangka panjang. Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan kerana Watu Tinuridong terletak di kawasan terbuka dan terdedah kepada cuaca semula jadi secara berterusan. Maka, pemeriksaan berkala, pembersihan biologi secara terkawal, dokumentasi keadaan fizikal

perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keaslian Watu Tinuridong terus terpelihara sebagai warisan megalitik yang bernilai.

Seterusnya, sebahagian besar tapak megalitik di daerah Tambunan terletak di kawasan luar bandar yang berbukit serta jauh dari pusat penempatan utama. Keadaan geografi ini menyebabkan tahap aksesibiliti ke tapak warisan menjadi terhad, terutamanya bagi penyelidik, pihak berkuasa dan pelawat yang ingin mengunjungi kawasan Watu Tinuridong. Laluan yang sempit, tidak berturap atau kurang diselenggara boleh menyukarkan proses pemantauan dan penyelenggaraan berkala terhadap monumen megalitik. Malah, kawasan ini juga tidak mempunyai tempat letak kereta atau *parking* untuk para pelancong yang ingin datang melawat. Akses yang terhad boleh menghalang pelaksanaan kerja konservasi secara konsisten kerana peralatan dan tenaga kerja yang diperlukan sukar dibawa ke lokasi. Oleh itu, keterbatasan aksesibiliti turut membataskan potensi Watu Tinuridong sebagai produk pelancongan warisan di Kampung Sunsuron, Tambunan.

Kaedah Pengurusan Warisan

Bagi memastikan kelestarian Watu Tinuridong sebagai warisan megalitik yang mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi, pelbagai kaedah pengurusan warisan telah dilaksanakan oleh pihak berkaitan dengan penglibatan masyarakat setempat. Pihak berkuasa seperti Majlis Tindakan Daerah Tambunan dan Majlis Pelancongan Daerah Tambunan iaitu jabatan yang ditubuhkan di bawah Pejabat Daerah Tambunan telah menyediakan papan tanda interpretasi serta petunjuk arah ke lokasi Watu Tinuridong bagi memudahkan akses pelawat dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan tersebut. Buktinya, pada tahun 2016, pihak Pejabat daerah Tambunan membina papan tanda (*signboard*) dan petunjuk arah supaya memudahkan pelancong untuk melawat kawasan Watu Tinuridong (Temu Bual, Maxmillian Stanis Takong, 2026). Papan tanda turut dipasang di tepi simpang jalan masuk ke Kampung Sunsuron. Kedudukan papan tanda boleh dilihat di tepi jalan raya tersebut.

Selain itu, pemagaran kawasan Watu Tinuridong merupakan antara usaha penting yang telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Muzium Sabah. Hal ini berlaku kerana usaha ini dapat

melindungi batu megalitik tersebut daripada gangguan manusia, aktiviti vandalisme serta kerosakan akibat faktor persekitaran. Buktinya, pada tahun 2016, kawasan Watu Tinuridong telah diserahkan kepada pihak muzium untuk tujuan pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan secara lebih sistematik (Goukit, 2026). Sejak itu, Jabatan Muzium telah menjalankan pelbagai usaha pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi memastikan keadaan fizikal batu tersebut sentiasa terpelihara. Selain itu, batu-batu kecil turut diletakkan di sekeliling Watu Tinuridong sebagai penahan kepada batu megalitik bagi mengelakkan batu tersebut jatuh ke tanah atau gangguan terhadap struktur asal batu megalitik tersebut. Melalui pemagaran dan kawalan berterusan, tapak Watu Tinuridong dapat dipelihara sebagai warisan budaya yang bernilai serta berpotensi menjadi aset pelancongan warisan di Tambunan.

Watu Tinuridong turut dipromosikan melalui aktiviti pelancongan warisan yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelawat tempatan dan luar daerah. Penglibatan tapak ini dalam laluan pelancongan budaya membolehkan pengunjung mengenali sejarah, legenda serta nilai budaya yang terkandung pada Watu Tinuridong secara lebih dekat. Kehadiran pelancong secara tidak langsung meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan pemeliharaan warisan megalitik di Tambunan. Contohnya, lokasi terletaknya Watu Tinuridong dan Muzium Rumah Bambu ini dipilih menjadi tempat program mendaki Gunung Wakid dijalankan (Temu bual, Oswald Julidi, 2026). Pada masa yang sama, aktiviti pelancongan warisan turut memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui peluang ekonomi dan penglibatan dalam aktiviti kebudayaan. Oleh itu, minat pelawat terhadap Watu Tinuridong dapat menggalakkan usaha perlindungan serta pemeliharaan yang lebih berterusan pada masa hadapan.

Cadangan dan Langkah

Pemeliharaan in situ Watu Tinuridong merujuk kepada usaha mengekalkan batu megalitik ini di lokasi asalnya kerana nilai warisannya bukan sahaja terletak pada struktur fizikal batu, tetapi juga pada konteks sejarah, budaya dan landskap sekitarnya. Bagi memastikan kelestariannya, pemantauan berkala terhadap keadaan fizikal batu seperti hakisan, keretakan dan kesan cuaca perlu

dilaksanakan, di samping mengawal pembangunan serta menjaga landskap di sekitar tapak. Selain itu, pemeliharaan warisan tidak ketara seperti ritual, adat, kepercayaan dan sejarah lisan serta penglibatan aktif komuniti setempat amat penting bagi mengekalkan fungsi sosial dan budaya Watu Tinuridong sebagai *living heritage*. Pada masa yang sama, pengurusan risiko melalui penilaian ancaman alam sekitar, pemantauan keadaan tanah dan penyediaan pelan tindakan kecemasan perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan Watu Tinuridong terus terpelihara dalam konteks asalnya untuk generasi akan datang.

Dari segi pemeliharaan ex-situ pula, pihak Jabatan Muzium Negeri Sabah dengan kerjasama institusi akademik seperti Universiti Malaysia Sabah boleh menghasilkan replika dan bahan pameran di muzium (Harun, 2011). Penghasilan replika dan bahan pameran di muzium adalah satu lagi pendekatan pemeliharaan *ex situ* yang boleh dilaksanakan bagi mempromosikan serta memelihara nilai warisan Watu Tinuridong. Replika yang dihasilkan berdasarkan ukuran dan bentuk asal batu dapat digunakan sebagai bahan pameran tanpa menjejaskan atau memberi tekanan kepada struktur sebenar di tapak warisan. Dalam pada itu, pameran yang dilengkapi dengan fotografi, model tiga dimensi, panel interpretasi dan bahan multimedia dapat membantu masyarakat memahami sejarah, fungsi dan kepentingan budaya Watu Tinuridong dengan lebih mendalam. Oleh itu, pendekatan ini bukan sahaja memperluaskan akses kepada maklumat warisan kepada pengunjung yang tidak berpeluang melawat tapak asal, malah turut berperanan sebagai medium pendidikan dan penyebaran ilmu bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan budaya.

Kesimpulan

Artikel ini memberikan gambaran menyeluruh dengan menhuraikan sejarah Watu Tinuridong, mendokumentasikan ciri-ciri fizikal serta menilai isu dan cabaran pemeliharaan warisan megalitik tersebut. Dapatan kajian membuktikan bahawa Watu Tinuridong bukan sekadar tinggalan batu megalitik, tetapi merupakan simbol identiti, kepercayaan dan warisan budaya masyarakat Dusun di Tambunan. Kepentingan tradisi lisan sebagai sumber sejarah tempatan yang bernilai dan keperluan usaha pemeliharaan yang melibatkan kerjasama antara kerajaan, institusi akademik dan komuniti setempat turut

ditegaskan. Pada masa hadapan, diharapkan lebih banyak penyelidikan dapat dijalankan dengan memanfaatkan sumber arkib, teknologi digital seperti pengimbasan 3D dan GIS, serta pendokumentasian warisan tidak ketara seperti *rinait*, ritual *bobolian* dan cerita lisan yang berkaitan dengan Watu Tinuridong. Usaha berterusan ini penting bagi memastikan warisan bersejarah yang bernilai tinggi ini terus dipelihara, diperkukuhkan dan diwariskan kepada generasi akan datang sebagai khazanah budaya dan sejarah Sabah yang tidak ternilai.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

Borneo Mail. (1995). Tambunan: Gabungan Dua Pahlawan. 26 Mac 1995.

Arkib Negeri Sabah. (2011). Fail Tambunan.

G.C. Woolley Collection. (1970). Foto-foto lama Tambunan.

Majlis Daerah Tambunan. (2011) Majalah Perayaan Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah Daerah Tambunan.

Sabah Times. (1961). Sensuron Tuhawon and Mat Salleh. 9 May 1961.

Buku dan Jurnal

Ahmad, A. G. (2010). *Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia: Pengalaman dan Cabaran Masa Hadapan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Dhiniati, F. (2026). Strategi Pengembangan Peluang Peran Masyarakat dan Pemerintah Dalam Pengembangan Wisata Budaya Purbakala Situs Megalitikum Di Kota Pagar Alam. *Jurnal Pembangunan Wilayah & Kota*. Vol. 12(2). 169-181.

Dundes, A. (1965). *The Study of Folklore*. Berkeley: University of California Press.

Eboy, O. V & Kong T. S. (2019). Megalithic Stone Heritage Mapping for Rural Tourism Using Geographic Information System (GIS) in Tambunan, Sabah. *BIMP-EAGA Journal for Sustainable Tourism Development*. Vol. 8(1): 33-43.

Eboy, O. V. et. al. (2022). *Megalit Tambunan: Pemetaan GIS untuk Pelancongan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Harrison, B. & Harrison, T. (1971). *The Prehistory of Sabah*. Sabah: Sabah Society Monograph.

Harun, S. N. (2011). Heritage Building Conservation in Malaysia: Experience and Challenges, *Procedia Engineering*. Vol. 20(1): 41-53.

Jeshurun, C. (1978). *The Menhir of Sabah*. Kuala Lumpur: Esso Standard Malaya.

Khan, A. S. & Baco, Z. (2024). Sejarah dan Budaya Megalitik Penampang, Sabah. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah).* Vol. 9(1): 317-330.

Kong T. S. (2022). *Aplikasi Teknologi Maklumat Ruang dalam Kajian Jejak Warisan Batu Megalitik di Tambunan, Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Kong, T. S. & Eboy, O. V. (2021). Pemetaan Jejak Warisan untuk Tujuan Pelancongan Lestari Menggunakan GIS di Tambunan. *Jurnal Kinabalu*. Vol. 27(1): 57-80.

Phelan, P. R. (1997). *Traditional Stone and Wood Monuments of Sabah*. Kota Kinabalu: Centre For Borneo Studies, Yayasan Sabah.

Sumber Atas Talian

Laman web rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Dipetik dari https://www.dosm.gov.my pada 1 Jun 2026.

Laman web rasmi Pejabat Daerah Tambunan. Dipetik dari https://pdtambunan.sabah.gov.my/page/perutusan/5933 pada 1 Jun 2026.

Nailuj Mij Official. 2021. Watu Tinuridong Sunsuron Tambunan with Julius Guduk. Youtube. Dipetik dari https://youtu.be/YEi0fn93-F4?si=JCAzdw-sbiRIXcT4 pada 24 Mac 2026.

Temu Bual

Albert Ten Tamit. (2026). 57 tahun. Kampung Sunsuron, Tambunan. Ketua Kampung Sunsuron Bawah. 29 April 2026.

Emmanuel Goukit. (2026). 58 tahun. Kampung Sunsuron, Tambunan. Ketua Pejabat Muzium Mat Sator, Tambunan. 9 May 2026.

Maxmillian Stanis Takong. (2026). 57 tahun. Kota Kinabalu. Pejabat Kampung Warisan, Kota Kinabalu. Ketua Bahagian Kampung Warisan dan Taman Landskap, Muzium Negeri Sabah pada 19 Mei 2026.

Oswald Julidi. (2026). 38 tahun. Kampung Sunsuron, Tambunan. Pembantu Khidmat Am H1. 7 Jun 2026.